

26 JUL 1997

Mahathir-MSK

SYARIKAT YANG TERIMA TAWARAN MSC BOLEH WUJUDKAN NILAI SENDIRI

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata syarikat-syarikat yang menerima tawaran dalam projek Koridor raya Multimedia (MSC) Malaysia akan mencipta nilai untuk mereka sendiri dalam satu suasana unik sesuai dengan keperluan mereka.

"Sementara mereka akan membantu merobah Malaysia dan rantau ini mereka juga akan menyumbang ke arah peranan mereka sendiri dalam era maklumat," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir melancarkan Konsep Cadangan Permohonan Tender (CRFPs) untuk Aplikasi-aplikasi Perdana MSC di sini hari ini.

Katanya apa yang mereka pelajari dan uji dalam MSC akan membantu menyediakan mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa menggunakan teknologi dan kepakaran mereka di seluruh dunia.

MSC merupakan zon seluas 750 km persegi selatan dari sini yang dikhususkan bagi pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Dr Mahathir berkata 15 CRFPs yang dilancarkan sebagai projek perintis di bawah Kerajaan Elektronik, Kad Pelbagai Guna, Sekolah Bestari dan aplikasi perdana Teleperubatan, adalah sendirinya merupakan inisiatif perintis bagi Malaysia.

Katanya ia tidak harus dianggap sebagai hanya dokumen yang menggariskan keperluan-keperluan bagi syarikat-syarikat sektor swasta untuk mengemukakan tawaran bagi projek-projek kerajaan.

"Ia sebenarnya pendekatan baru kerajaan bagi perkongsian dengan sektor swasta," kata Dr Mahathir.

Katanya kerajaan telah berusaha dengan syarikat-syarikat sektor swasta untuk membangunkan CRFPs yang menjelaskan faedah-faedah seperti yang kerajaan mahukan tetapi memberikan kelonggaran bagi konsortium yang membuat tawaran untuk mencipta penyelesaian.

Beliau berkata CRFPs memberikan lebih tumpuan terhadap menjelaskan objektif projek dan faedah yang diinginkan daripada menetapkan keperluan teknikal secara terperinci.

Ia juga menggesa kepada teknologi terbuka dan model perniagaan.

"Pendekatan ini menggalakkan kerjasama di kalangan syarikat dan antara syarikat serta kerajaan. Diharapkan membawa kepada pembinaan konsortium di kalangan syarikat-syarikat untuk membina dan memberikan yang terbaik dan penyelesaian paling komprehensif bagi pelbagai projek perintis," katanya.

MSC menawarkan banyak peluang bagi syarikat-syarikat untuk menerokai teknologi multimedia mengikut keupayaan mereka, kata Dr Mahathir.

"Ia setakat ini tempat ujian paling komprehensif bagi tujuan mencipta dan menguji teknologi serta apliksinya dalam era maklumat," katanya.

Dr Mahathir berkata untuk mempelopori pembangunan MSC dan memberikan bentuk terhadap suasananya, tujuh bidang utama bagi aplikasi multimedia telah dikenalpasti.

Aplikasi-aplikasi perdana ini mengandungi peluang yang pertama kali diadakan dan menarik bagi perniagaan tempatan dan antarabangsa kerana kepelbagaian dan skopnya serta cara ia ditawarkan kepada masyarakat global, katanya.

Beliau berkata satu aplikasi paling penting yang kerajaan akan membantu membangunkannya ialah kerajaan elektronik.

Terdapat banyak perbincangan mengenai perkara itu dan banyak usaha serta sistem telah diilhamkan dan juga dicuba, tetapi masalahnya ialah untuk memilih yang terbaik atau kombinasi kepada sistem-sistem itu,

katanya.

"Apapun yang akan diputuskan dan digunakan dalam prosedddur sebenar pentadbiran bukanlah satu yang muktamad," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata pembangunan kerajaan elektronik akan merupakan satu proses berterusan dengan idea-idea dan teknologi baru menjadikan yang sedia ada ketinggalan zaman.

"Kita perlu bersedia bagi menghadapi cabaran-cabaran ini dan mempunyai pemikiran yang cukup terbuka untuk membuat pilihan dan untuk bersedia menerima yang baru sama juga untuk mempertahankan yang lama dan sistem-sistem serta teknologi yang telah diuji," katanya.

Mengenai kad pelbagai guna, Dr Mahathir berkata aplikasinya merupakan satu keperluan yang ketara.

Ini merupakan sebab kenapa kerajaan bersedia menyertai sepenuhnya projek itu yang bukan sahaja memenuhi keperluannya sendiri tetapi juga sektor swasta, katanya.

Mengenai sekolah bestari, beliau berkata syarikat-syarikat yang terlibat dalam aplikasi perdana itu akan diberi peluang membantu Malaysia melakukan peralihan kritikal daripada sebuah ekonomi perindustrian kepada yang berasaskan pengetahuan.

"Ini menggesa kepada celik teknologi, kumpulan berfikir yang berupaya melakukan yang terbaik dalam satu suasana global dan penggunaan teknologi era maklumat bagi meningkatkan produktiviti," katanya.

Perdana Menteri berkata sekolah-sekolah bestari bukan sahaja dikategorikan oleh pengenalan teknologi, tetapi yang lebih penting keupayaan mereka untuk menyampaikan pendidikan yang ditingkatkan dalam cara yang lebih baik dan komprehensif.

Mengenai teleperubatan, beliau berkata ia akan menyumbang kepada perubatan yang lebih baik bagi jumlah rakyat yang lebih banyak.

MSC boleh dibangunkan menjadi pusat serantau bagi perkhidmatan teleperubatan, produk dan pendidikan, katanya.

Semasa menghuraikan CRFPs, Dr Mahathir berkata satu daripada objektif utama dalam menggunakan pendekatan CRFPs ialah untuk menggalakkan kerjasama dan pemindahan teknologi melibatkan perusahaan kecil dan sederhana Malaysia.

Katanya kebanyakan penyelesaian yang disediakan akan melibatkan teknologi maju daripada syarikat-syarikat multimedia bertaraf dunia.

Ini mewakili peluang penting pembelajaran bagi syarikat-syarikat tempatan yang terlibat dalam konsortium, katanya.

"Malah satu daripada kriteria pemilihan ialah untuk mencari model pemindahan teknologi dan pengetahuan yang boleh dilaksanakan dan efektif antara syarikat-syarikat serta institusi besar dan kecil, tempatan dan asing, " katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga berharap untuk menggalakkan perkongsian pintar dan saksama dengan pihak tempatan dan asing boleh menawarkan input nilai yang ditambah.

"Kita juga berharap supaya ini akan membantu membina asas bagi inovasi yang berterusan yang sebaliknya akan merangsang perkembangan aplikasi baru multimedia dalam sektor awam dan swasta dengan pemilikan aplikasi perintis itu kepada semua pihak terlibat," katanya.

Beliau berkata bagi rakyat Malaysia keseluruhannya, kesan sepenuhnya aplikasi-aplikasi perdana ini tidak akan dirasakan atau dilihat dengan segera kerana projek-projek perintis yang akan dilaksanakan di bawah aplikasi-aplikasi itu merupakan sebahagian daripada rancangan jangka panjang Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. --

BERNAMA

SJA RON